Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 501 - 520), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2064

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 6, Issue 11, November 2021

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Multiple Document Based Lessons dan Kekekalan Pengetahuan Sejarah

M. Kaviza[1]
[1]Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.

Correspondence: M. Kaviza (kavizakaviza@yahoo.com)

Abstrak

Kajian eksperimen dengan reka bentuk faktorial 3 X 3 ini bertujuan mengkaji kesan pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document Based Lessons* terhadap kekekalan pengetahuan sejarah dalam kalangan murid. Seramai 102 orang murid Tingkatan Satu melalui teknik persampelan berkelompok terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian ini merupakan ujian pencapaian pengetahuan sejarah yang telah dibina oleh pengkaji yang telah disahkan oleh pakar-pakar penilai serta mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik. Data kuantitatif dalam kajian ini telah dianalisis secara statistic deskriptif dan statistic inferensi iaitu melalui ujian *SPANOVA* dengan menggunakan perisian *IBM SPSS* versi 24. Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document based Lessons* adalah lebih berkesan berbanding dengan *Document based Lessons* dan kaedah pengajaran konvensional terhadap kekekalan pengetahuan sejarah dalam kalangan murid. Implikasi kajian ini telah menyediakan sumber maklumat kepada para guru sejarah bahawa pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document Based Lessons* telah dibuktikan adalah lebih berpotensi dilaksanakan dalam pendidikan Sejarah selaras dengan inovasi dalam kaedah pengajaran sejarah sedia ada.

Kata kunci: *Multiple Document based Lessons*, Mata pelajaran Sejarah, Pengetahuan sejarah, kekekalan

Multiple Document based Lessons and Rentention of Historical Knowledge

Abstract

This experimental study with a 3 X 3 factorial design aims to examine the effect of the Multiple Document based lessons on the retentation of historical knowledge among students. A total of 102 Form One Students through the cluster sampling technique were involved in this study. This research instrument is a historical knowledge achievement test which has been built by the researcher and has been verified by expert and has a good reliability value. The quantitative data in this study has been analysed statistically descriptively and inferentially through the SPANOVA test using IBM SPSS software version 24. The findings of this study have shown that the Multiple Document based Lessons is more effective compared to the Document based Lessons method and conventional teaching method on the retention of historical knowledge among students. The implications of this study have provided a source of information to history teachers that the Multiple Document based Lessons has been proven to be more potentially implemented in History Education.

Keywords: Multiple Document based Lessons, History subject, historical knowledge, Retention

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 501 - 520), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2064

Pengenalan

llmu sejarah telah diberikan perhatian dalam sistem pendidikan Malaysia dengan melaksanakan mata pelajaran sejarah sebagai wajib lulus dalam peperiksaan awam iaitu Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) mulai tahun 2013 dan sebagai mata pelajaran teras yang wajib dipelajari melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun 2014 dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mulai tahun 2017. Sehubungan dengan itu, proses pemahaman terhadap ilmu sejarah yang baik perlu difokuskan dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran sejarah agar matlamat permartabatan mata pelajaran sejarah pada peringkat nasional dan global dapat direalisasikan (Abdul Razaq Ahmad, 2010; PPK, 2003, 2015; Sharifah Aini Jaafar & Arba'iyah Mohd Noor, 2016; Thangamalar Paramasivam & Nagendralingam Ratnavadivel, 2018; Abdul Razaq Ahmad & Andi Suwirta, 2007; Mohd Rodzi Abdul Razak, 2009). Justeru, penerapan komponen pengetahuan sejarah dalam kurikulum sejarah adalah sangat penting dan tidak boleh diabaikan lagi kerana melibatkan proses menaakul dengan menguasai kandungan sejarah seperti tokoh, masa, lokasi dan konsep sejarah yang khusus bagi membentuk pola pemikiran sejarah yang unik dalam kalangan murid (Booth, 1983; Deborah, 2012; Levisohn, 2015; Mink, 1987; Sheehan, 2013; Zaccaria, 1978). Hal ini demikian kerana mata pelajaran Sejarah adalah didapati berbeza dengan kerangka disiplin ilmu bagi mata pelajaran yang lain seperti mata pelajaran Sains, Matematik, Teknologi, Geografi dan sebagainya yang mengutamakan kepada disiplin pemikiran tertentu (Kitson & Husbards, 2011; Schmidt, 2019). Pendek kata, bagi meningkatkan pencapaian pengetahuan sejarah dalam kalangan murid secara berterusan, maka guru-guru Sejarah perlu memainkan peranan penting dalam melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik, berinformasi, berinteraktif dan menyeronokkan bagi memastikan murid-murid dapat mendalami ilmu sejarah dengan lebih baik (Ashby, 2011; Brooks, Aris & Perry, 1998; Drake & Nelson, 2005) dan meningkatkan penglibatan aktif murid-murid terhadap proses pemikiran sejarah secara kritis (Sheehan, 2013; Vivancos & Ferrer, 2018; Wineburg, Smith & Breakstone, 2018).

Pengetahuan Sejarah

Tokoh sejarah, R.G Collingwood telah mulai menekankan kepentingan konsep pengetahuan sejarah dalam ilmu sejarah antara tahun 1928 hingga 1930-an sebagai suatu struktur disiplin ilmu pengetahuan yang bersifat saintifik yang dapat diperolehi melalui proses pengkajian sejarah secara aktif yang mempunyai bidang epistemologi sejarah yang tersendiri (Collingwood, 1946; Grant, 1957; Mink, 1966; Smith, 2007). Di samping itu, Collingwood (1946) juga telah menjelaskan pengetahuan sejarah sebagai suatu dimensi pengkajian sejarah yang membolehkan seseorang berupaya untuk memindahkan pemahaman terhadap sesuatu peristiwa yang telah berlaku pada masa lepas dengan mengaitkan semula pengalaman tersebut ke dalam konteks pengkajian sejarah semasa. Oleh itu, pengetahuan sejarah telah didefinisikan oleh Collingwood (1946) sebagai pemerolehan dan pemahaman fakta sejarah terhadap sesuatu peristiwa sejarah yang telah berlaku pada masa silam dalam konteks masa kini.

Tambahan pula, Emiroglu (2013) juga telah menjelaskan bahawa fakta sejarah merupakan sesuatu pengetahuan yang memberikan makna yang baru dan mendalam dalam konteks situasi terkini berdasarkan pengetahuan sedia ada yang diketahui pada masa lepas yang bertujuan untuk memudahkan proses pemahaman terhadap sesuatu budaya, masyarakat dan negara yang tinggal dalam konteks pengkajian sejarah tersebut. Pendefinisian konsep pengetahuan sejarah yang diberikan oleh Emiroglu (2013) ini adalah konsisten dengan pendefinisian yang telah diutarakan oleh Collingwood (1946) yang telah menerangkan konsep penghayatan dan pemahaman sejarah yang baik dapat dijana apabila seseorang dapat mencapai tahap kematangan terhadap pemahaman sesuatu pengetahuan dalam kandungan ilmu sejarah tersebut. Oleh itu, struktur disiplin ilmu sejarah itu sendiri yang mempunyai ciri-ciri yang unik yang menyediakan pelbagai pengetahuan yang dapat menimbulkan kesedaran dalam kalangan individu, masyarakat dan negara (Bertram, 2009; Galan, 2016; Howson & Shemilt, 2011; Lee, 1983; Mink, 1966; Smith, 2007).

Hakikat daripada penghayatan dan pemahaman kandungan ilmu sejarah muncul daripada pengetahuan sejarah adalah bertepatan dengan konsep ilmu sejarah yang didefinisikan sebagai suatu rantaian

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 501 - 520), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2064

peristiwa (Andrews & Wangdi, 2017; Booth, 2001; Rosenlund, 2018; Oppong, 2019). Hal ini demikian kerana pemerihalan terhadap sesuatu peristiwa yang telah berlaku pada masa lepas adalah dibuktikan kebenarannya dengan menggunakan sumber sejarah sebagai bahan bukti bagi menjelaskan makna pengetahuan tersebut dari aspek tempat, masa dan orang perseorangan yang saling berkaitan antara satu sama lain bagi membentuk suatu pemahaman kandungan sejarah yang lebih mendalam (Emiroglu, 2013; Harris & Burn, 2016; Malkmus, 2008; Soininen, 2017; Stolare, 2015). Hal ini seiring dengan pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah dalam kurikulum Sejarah yang memfokuskan kepada aktiviti pembelajaran berpusatkan murid yang menyediakan ruang pembelajaran bagi membentuk penghayatan dan pemahaman sejarah yang mendalam selaras dengan matlamat kurikulum Sejarah yang memfokuskan kepada pemahaman dan penghayatan terhadap fakta sejarah bagi melahirkan warganegara yang mempunyai nilai patriotisme yang baik (Ahamad Rahim, Azwani Ismail, Abdul Razaq Ahmad, Zahara Aziz & Sharifah Nur Puteh, 2011; Ahmat Adam, 2013; PPK, 2003, 2015).

Justeru, pengetahuan sejarah merupakan tafsiran terhadap sesuatu peristiwa sejarah yang telah berlaku yang mempunyai kaitan dengan konsep sebab, akibat, perubahan, kesinambungan dan sebagainya yang digunakan untuk menjelaskan kebenaran peristiwa sejarah tersebut dari aspek tempat, masa dan orang perseorangan yang terlibat. Perkara ini seiring dengan pendapat Counsell (2011), Fitchett et al. (2017), Garske (2017) dan Tyman et al. (2006) yang mengklasifikasikan orang perseorangan dalam ilmu sejarah sebagai masyarakat, negara, negeri, keluarga dan sebagainya yang mencari kaitan dalam peristiwa sejarah tersebut dari aspek masa, tokoh dan tempat iaitu secara semula jadinya tidak semua tindakan yang dilakukan oleh seorang individu atau sesuatu peristiwa dapat ditafsirkan secara langsung atau secara tersendiri. Maka, proses pentafsiran sejarah berasaskan bukti sejarah adalah berpotensi untuk meningkatkan pemahaman terhadap pengetahuan sejarah dengan lebih baik dalam kalangan murid (Fellman & Rahikainen, 2012; Newton, 2001; Ormond, 2011).

Selain itu, Lee dan Shemilt (2004), Neumann (2012), dan Smith (2016) telah menjelaskan pemahaman terhadap pengetahuan sejarah yang baik melalui pemerolehan maklumat, fakta dan konsep sejarah dari aspek masa, lokasi dan orang adalah bertujuan untuk membekalkan maklumat yang komprehensif terhadap sesuatu peristiwa yang telah berlaku dan menyediakan peluang kepada murid untuk membuat sesuatu generalisasi terhadap idea sejarah yang berkaitan dengan peristiwa sejarah yang telah berlaku. Tambahan pula, Howson dan Shelmilt (2011), Mallihai Tambyah (2017) dan Johansson (2014) dalam kajiannya pula telah menjelaskan penguasaan pengetahuan sejarah yang baik dapat menyediakan ruang pembelajaran yang kondusif kepada murid untuk membandingkan sesuatu identiti masyarakat dengan identiti masyarakat yang lain, mengenal pasti persamaan antara beberapa rentetan peristiwa sejarah yang telah berlaku, menyediakan sudut pandangan yang menyeluruh terhadap sesuatu peristiwa sejarah yang telah lepas dan menjana kesedaran terhadap sesuatu perubahan dan kesinambungan antara satu peristiwa dengan satu peristiwa sejarah yang lain. Bagi meningkatkan pemahaman terhadap pengetahuan sejarah yang bermakna dan komprehensif, maka terdapat satu keperluan kepada murid-murid untuk mengenal pasti sesuatu maklumat, fakta dan konsep sejarah yang tertentu, khusus atau spesifik yang perlu dijadikan sebagai asas, teras dan latar belakang dalam proses pembelajaran Sejarah dengan menggunakan sumber sejarah yang relevan di dalam kelas (Ashby, 2011; Allen, 2011; Emiroglu, 2013; Kelly et al., 2007).

Sehubungan dengan itu, pihak PPK (2003, 2015) juga telah menjelaskan elemen pengetahuan sejarah sebagai suatu proses pemahaman ilmu sejarah itu sendiri yang merangkumi maklumat, konsep, fakta dan idea sejarah yang perlu dikuasai dan dipelajari secara berterusan dalam kalangan murid mengikut tema-tema Sejarah yang telah disusun secara teratur dan sistematik dalam kurikulum Sejarah seperti tema Sejarah Kita dan Dunia bagi murid Tingkatan Satu, tema Warisan Negara bagi murid Tingkatan Dua, tema Kedatangan Kuasa Asing bagi murid Tingkatan Tiga, tema Pembinaan Negara bagi murid Tingkatan Empat dan tema Malaysia dan Masa Depan bagi murid Tingkatan Lima. Hal ini bertujuan bagi membolehkan murid dapat menguasai dan memahami kandungan sejarah dengan lebih baik dengan membuat kesinambungan dari zaman Eropah kepada konteks semasa di Malaysia (PPK, 2003, 2015). Oleh itu, penyepaduan antara pengetahuan sejarah dengan elemen-elemen yang merentas kurikulum seperti bahasa, kelestarian alam sekitar, nilai-nilai murni, sains dan teknologi, patriotisme, kreativiti dan inovasi, keusahawanan dan teknologi maklumat dan komunikasi adalah disarankan

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 501 - 520), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2064

dalam kurikulum Sejarah (PPK, 2003, 2015). Saranan pihak PPK (2003, 2015) tersebut adalah bertepatan dengan kajian Ashby (2011), Smith (2016) dan Young (2011) yang menjelaskan bahawa pemahaman kandungan sejarah yang tepat adalah berupaya untuk membentuk kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan bagi menangani cabaran semasa dan masa hadapan dalam kalangan murid.

Document based Lessons

Hakikatnya, tidak dapat disangkal bahawa asas kepada pengkajian sejarah adalah penggunaan sumber dokumen sejarah yang dijadikan sebagai bahan bukti bertulis dalam membuat sesuatu interpretasi sejarah yang telah berlaku seperti surat khabar, surat, diari, rekod keluarga, rekod banci, dokumen rasmi, pelan bangunan, data statistik, manuskrip sejarah, ensiklopedia, buku sejarah dan sebagainya (Donnelly & Claire, 2011; Polton, 1972; Thornton, 2005) yang boleh diperolehi dalam format analog (bercetak) dan digital (elektronik) daripada portal-portal dan laman-laman web sejarah yang dibangunkan secara percuma (Alves, 2014; Brown, 2007; Chassanoff, 2013; Friedman, 2006; Fry & Ensminger, 2008; Lee, 2002; Putnam, 2016; Kaviza, 2020). Selaras dengan perkembangan teknologi maklumat sejak tahun 1990-an, pihak Arkib Negara dan Muzium Negara juga telah mengambil langkah inovasi untuk mendigitalkan koleksi sumber dokumen sejarah bagi memudahkan guru-guru Sejarah dan murid-murid untuk mengakses, memuat turun atau mencetak bahan yang diperlukan bagi setiap topik atau tema sejarah yang dikaji secara percuma (Breakstone & Smith, 2013; Brown & Dotson, 2007; Lamb & Johnson, 2013; Marino, 2012; Shakila Yacob, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus & Rosilawati Zainol, 2016; Sandwell, 2008; Zastrow, 2017). Oleh itu, isu kekurangan koleksi sumber dokumen sejarah bukan lagi suatu cabaran yang telah mengehadkan penggunaannya dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah di dalam kelas bagi meningkatkan kemahiran berfikir dan minat belajar dalam kalangan murid dan didapati mempunyai hubungan dengan pencapaian mata pelajaran Sejarah (Abdul Aziz Mohamad Abdul Razak Ahmad, 2016; Renuka Ramakrishnan & Siti Hawa Abdullah, 2012; Tally & Goldernberg, 2005;

Justeru, pembelajaran Sejarah melalui *Document-Based Lessons* (DBL) atau juga dikenali sebagai kaedah pembelajaran berasaskan sumber dokumen sejarah kini semakin berkembang pesat sejak abad ke-19 lagi pada semua peringkat persekolahan sebagai alternatif kepada pengajaran sedia ada yang berteraskan kepada penerangan guru dan penghafalam maklumat sejarah (Dutt-Doner, Cook-Cottone & Allen, 2007; Fehn & Koeppan, 1998; Niewenhuyse, Roose, Wils, Depaepe & Verschaffel, 2017; Nokes, 2013, 2014; Rantala & Vanden Berg, 2015; Reisman, 2012a, 2012b; Swams, Hofer & Gallicchio, 2006). Secara ilmiahnya, DBL merupakan strategi pembelajaran Sejarah yang melibatkan proses inkuiri dan analisis kandungan sumber dokumen sejarah yang berbentuk teks dan telah pun dibuktikan dapat memberi banyak manfaat dari segi penglibatan aktif dalam aktiviti pembelajaran bersifat autentik, perbandingan antara fakta dan tafsiran sejarah, pengenalpastian unsur *bias* berdasarkan pelbagai perspektif, penyelesaian masalah berdasarkan sesuatu isu atau persoalan sejarah yang diutarakan dan menggalakkan proses penghujahan dan penaakulan secara logik dan bernas (Barton, 2018; Breakstone, McGrew, Smith, Ortega & Wineburg, 2018; Colby, 2008; Cowgill, 2015; Hover, Hicks & Dack, 2016; Johansson, 2017; Learned, 2018; Samuelsson & Wendell, 2016; Woyshner, 2010).

Tambahan pula, kepentingan pelaksanaan DBL turut disokong menerusi dapatan kajian tinjauan awal yang dijalankan oleh pengkaji terhadap 92 orang guru Sejarah yang telah mengakui bahawa pelaksanaan DBL dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah adalah berupaya untuk meningkatkan kemahiran pemikiran sejarah (97.83 peratus), memberi peluang untuk meneroka bukti sejarah (96.00 peratus), memberi gambaran menyeluruh tentang sesuatu peristiwa sejarah dengan jelas (95.65 peratus), membantu menambahkan pengetahuan murid tentang ilmu sejarah (93.48 peratus), membolehkan isi kandungan pengajaran dapat disampaikan dengan mudah dan menimbulkan minat dan motivasi untuk belajar sejarah (93.47 peratus) dan menerangkan konsep dan fakta sejarah dengan lebih mudah (91.30 peratus) (Kaviza Manar Karam, 2020; Kaviza, Rahim & Bukhari, 2018). Sungguhpun pelaksanaan DBL didapati memberikan banyak manfaat dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah, namun timbul persoalan tentang penggunaan pendekatan sumber pelbagai dalam DBL yang berkesan untuk meningkatkan pengetahuan sejarah dan kemahiran pemikiran sejarah

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 501 - 520), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2064

dengan lebih baik selaras dengan perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pendidikan Sejarah yang melibatkan aspek pengintegrasian sumber-sumber visual, video, audio dan sebagainya yang masih belum diketahui (Britt & Rouet, 2011; Donnelly, 2018; Merkt, Werner & Wagner, 2017; Moser, 2013; Nokes, 2014; Reisman, 2012b). Hal ini demikian kerana kekurangan pemerolehan maklumat sejarah daripada sumber dokumen teks sahaja berkemungkinan boleh mengehadkan pencapaian hasil pembelajaran yang dirancangkan dan ditetapkan dalam kurikulum Sejarah (Hastings, Hughes, Magliano & Goldman, 2012; Hynd, 1999; Rouet, Britt, Mason & Perfetti, 1996; VanSledright & Kelly, 1998).

Pernyataan Masalah

Tidak dinafikan bahawa pengetahuan sejarah merupakan komponen penting yang telah ditekankan dalam kurikulum Sejarah bagi membentuk jati diri dan semangat cinta terhadap negara bagi memenuhi matlamat dan aspirasi negara (Mohd Rodzi Abdul Razak, 2009; Mohd Samsudin & Shahizan Shaharuddin, 2012; PPK, 2003; 2015; Kaviza, 2021). Namun, murid-murid dilaporkan lemah dalam memahami kandungan ilmu sejarah yang melibatkan fakta, konsep dan maklumat sejarah yang bersifat kompleks, abstrak dan sukar difahami dengan lebih mudah (Malar Muthiah, 2015; Nur Syazwani Abdul Talib et al., 2016). Hal ini demikian kerana murid-murid tidak dapat membuat hubung kait dari segi masa, kepentingan, sebab-akibat, dan perubahan-kesinambungan yang telah menimbulkan kekeliruan antara fakta, konsep dan maklumat sejarah yang dipelajari (Blow, 2011; Conway, 2006; Fertig, 2005; Seixas, 1996, 2014; Tyman et al., 2006). Antaranya, hieroglif, cuneiform, teokrasi, piktograf, ideogram, papyrus, cap mohor, bandar terancang, mandat dari tuhan, jalan sutera dan sebagainya merupakan fakta, konsep dan maklumat sejarah yang sukar difahami oleh murid-murid dalam topik Tamadun Awal Dunia (PPK, 2003, 2015). Kelemahan murid terhadap pencapaian pengetahuan sejarah juga dibuktikan dalam kajian-kajian lepas yang telah melaporkan bahawa murid-murid didapati masih sukar untuk menerangkan sesuatu fakta, konsep dan maklumat sejarah semula berdasarkan bukti yang sahih (De La Paz & Wissinger, 2014, 2016; Fielding, 2015; Maheux & Roth, 2013; Monte-Sano, De La Paz & Fetton, 2014; Samuelsson, 2018; VanSledright & Frankes, 2000).

Sungguhpun begitu, tidak dapat disangkal bahawa kelemahan murid dalam pengetahuan sejarah adalah disebabkan oleh amalan kaedah pengajaran yang berpusatkan guru dan penghafalan maklumat sejarah (Cuban, 2016; Gleeson & D'Souza, 2016; Grant, Lee & Swan, 2017; Parkes & Donnelly, 2014; Van Hover & Yeager, 2004; Veuren, 1995). Hal ini demikian kerana murid-murid menghafal semua maklumat yang telah mengehadkan proses pemahaman ilmu sejarah dan menimbulkan kebosanan belajar mata pelajaran Sejarah (Fitzgerald, 2009; Foster & Crawford, 2006; Kobrin, 1996; Ramoroka & Engelbrecht; 2015; Sharp & Ammert, 2017) dan murid-murid juga tidak dapat membezakan antara fakta dan tafsiran sejarah (Barton & Levistik, 2003; Bernhard, 2017; Garske, 2017; Heller & Stancy, 2013; VanSledright, 2011). Tambahan pula, kaedah pengajaran yang berorientasikan amalan *chalk and talk* di dalam kelas juga telah menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah menjadi tidak berkesan, bersifat sehala, tidak menarik dan membosankan (Mohd Samsudin & Shahizan Shaharuddin, 2012; Sharifah Aini Jaafar & Arba'iyah Mohd Noor, 2016; Subadrah Nair & Malar Muthiah, 2005; Omardin Haji Ashaari & Yunus Muhamad, 1996).

Hakikat daripada keadaan ini telah memaparkan bahawa terdapat sedikit kekurangan dalam perkembangan pendidikan Sejarah di Malaysia yang telah menjadi faktor penghalang kepada pencapaian matlamat kurikulum Sejarah yang bertujuan untuk memupuk dan memperkukuh identiti diri dan semangat setia negara sebagai warganegara serta mewujudkan semangat perpaduan, perasaan kekitaan, kesedaran kebangsaan dan perasaan cinta terhadap tanah air (Ahamad Rahim et al., 2011; Ahmad Razaq Ahmad & Ahmad Rafaai Ayuddin, 2011; PPK, 2003; 2015). Justeru, kaedah pengajaran yang sedia ada perlu diubah mengikut perubahan semasa sama ada pada peringkat nasional mahupun pada peringkat global bagi melengkapkan diri murid-murid dengan pelbagai maklumat sejarah yang berguna pada masa hadapan (Abdul Razaq Ahmad, 2014; Lezah @ Lejah Kiamsin & Rosy Talin, 2018; Nor Azilah Ahmad, Norunnajah Ahmat, Mohamad Zohir Zainuddin & Siti Nor Wardatulaina Mohd Yusof, 2017; Ummadevi Suppiah, 2018).Walaupun telah diakui bahawa pelaksanaan DBL pada semua peringkat persekolahan telah memaparkan impak positif dari aspek

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 501 - 520), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2064

penjanaan pemahaman sejarah (Macedo-Rouet, Braasch, Britt & Rouet, 2013; Neumann, Gilbertson & Hutton, 2014), peningkatan kemahiran literasi bacaan (Nokes, Dole & Hacker, 2007; Reisman, 2012a, 2012b; Veijola & Rantala, 2018), perubahan peranan dan minat terhadap proses pembelajaran Sejarah (Nokes, 2014; Rouet-Franqois, Favart, Britt & Ferfetti, 1997), pemupukan kemahiran berfikir aras tinggi (Patterson, Lucas & Kithinji, 2012), penulisan hujah sejarah (Nokes, 2017; Stovel, 2000; Wiley & Voss, 1999) dan peningkatan penglibatan aktif dalam proses pembelajaran (Linquist & Long, 2011; Moser, 2013). Namun begitu, berdasarkan penelitian terperinci yang dilakukan oleh pengkaji terhadap kajian-kajian lepas telah mendapati bahawa terdapat sedikit kekurangan terhadap pelaksanaan DBL tersebut dalam konteks pendidikan Sejarah sedia ada.

Antaranya, keperluan kajian keberkesanan DBL terhadap kekekalan pengetahuan sejarah dalam suatu tempoh jangka masa panjang yang masih belum dikaji (Aidinopoulou & Sampson, 2017; Reisman, 2012a; Olwell & Stevens, 2015). Hal ini demikian kerana pelaksanaan sesuatu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel yang dapat menggalakkan proses pembinaan maklumat secara aktif adalah diharapkan dapat meningkatkan dan mengekalkan pemerolehan dan pemahaman pengetahuan dan kemahiran yang telah dibina dengan lebih baik untuk suatu tempoh masa yang panjang dalam minda atau memori dalam kalangan murid (Barton & Avery, 2016; Fitchett, Heafner & Lambert, 2017; Fogo, 2014; Smith, 2016; Vivancos & Ferrer, 2018). Selain itu, keperluan kajian keberkesanan penggunaan pendekatan sumber pelbagai dalam DBL yang perlu dikenal pasti disebabkan oleh pemerolehan maklumat yang terhad daripada sumber dokumen teks sahaja masih belum tentu lagi dapat meningkatkan dan mengekalkan pengetahuan sejarah secara menyeluruh dalam kalangan murid sejajar untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran Sejarah yang lebih bermakna (Britt & Rouet, 2011; Donnelly, 2018; Merkt et al., 2017; Reisman, 2012b). Justeru, terdapat satu keperluan kepada pengkaji dalam kajian ini untuk mengkaji kesan pembelajaran Sejarah melalui *Multiple Document-Based Lessons* (MDBL) terhadap kekekalan pengetahuan sejarah yang belum diketahui.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialam Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan terhadap min skor kekekalan pengetahuan sejarah bagi murid yang mengikuti pembelajaran sejarah melalui MDBL berbanding dengan murid yang mengikuti pembelajaran sejarah melalui DBL dan murid yang mengikuti pengajaran sedia ada.

Persoalan Kajian

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap min skor kekekalan pengetahuan sejarah bagi murid yang mengikuti pembelajaran sejarah melalui MDBL berbanding dengan murid yang mengikuti pembelajaran sejarah melalui DBL dan murid yang mengikuti pengajaran sedia ada?

Metod Kajian

Kajian eksperimental dengan reka bentuk faktorial 3 X 3 telah digunakan dalam kajian ini untuk menentukan sama ada terdapat kesan utama dan kesan interaksi antara waktu ujian (ujian pra, ujian pasca dan ujian pasca lanjutan) dan kaedah pengajaran (kumpulan pembelajaran sejarah melalui *Multiple Document-based Lessons* (MDBL), kumpulan pembelajaran sejarah melalui *Document-based Lessons* (DBL) dan kumpulan kaedah pengajaran konvensional) terhadap kekekalan penguasaan pengetahuan sejarah (Campbell & Stanley, 1963; Cook & Campbell, 1979). Seramai 102 orang murid Tingkatan Satu yang ditentukan berdasarkan teknik persampelan berkelompok telah terlibat dalam kajian ini (Uma Sekaran & Bougie, 2013). Instrumen kajian ini merupakan ujian pencapaian pengetahuan sejarah yang berbentuk item objektif telah dibina oleh pengkaji, yang telah disahkan konstruknya oleh pakar penilai yang berpengalaman dan mempunyai nilai kebolehpercayaan (nilai *Kuder Richardson*=0.95), nilai indeks kesukaran (antara nilai 0.30 hingga 0.69) dan nilai indeks diskriminasi (antara nilai 041 hingga 0.64) yang boleh diterima bagi tujuan kajian ini (Nunnally &

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 501 - 520), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2064

Berstein, 1994; Kapplan & Saccuzzo, 2009; Crocker & Algina, 2008). Data kuantittaif dalam kajian ini telah dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi iaitu Ujian *SPANOVA* telah digunakan untuk membandingkan dua jenis variabel bebas yang salah satu variabelnya terdiri daripada data pengukuran berulang dan kaedah pengajaran terhadap variabel bersandar dalam kajian ini (Field, 2013, 2016). Pelaksanaan pembelajaran sejarah melalui MDBL dan pembelajaran sejarah melalui DBL adalah berdasarkan langkah-langkah dalam pembelajaran sejarah melalui DBL yang telah dipelopori oleh Abby Reisman (Reisman 2012a, 2012b) dan kebenaran menggunakan kerangka langkah-langkah pembelajaran tersebut juga telah diperolehi daripada pelopornya secara atas talian. Modul pengajaran dan pembelajaran sejarah melalui MDBL dan DBL telah dibangunkan oleh pengkaji bagi melaksanakan intervensi kajian ini bagi topik Tamadun Awal Dunia berdasarkan Model Pembinaan Modul Sidek (Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad, 2005). Murid-murid ditadbir ujian pra sebelum intervensi dimulakan bagi menentukan kesetaraan murid terlebih dahulu sebelum pengukuran dilakukan, diikuti dengan ujian pasca sejurus selepas tamatnya intervensi yang dijalankan serta ujian pasca lanjutan selepas tempoh masa sebulan tamatnya intervensi dalam kajian ini.

Dapatan Kajian

Bahagian ini merupakan dapatan kajian ini.

Hipotesis nol utama dan subhipotesis telah dibentuk bagi menjawab soalan kajian ini dengan menguji kebenarannya pada aras kesignifikan (p=0.05). Justeru, tiga hipotesis nol utama ($H_{o1,}$ $H_{o2,}$ H_{o3}) yang diuji adalah seperti berikut:

H_{o1}:Tidak terdapat kesan utama kaedah pengajaran yang signifikan terhadap min skor pengetahuan sejarah.

H_{o2}: Tidak terdapat kesan utama waktu ujian yang signifikan terhadap min skor pengetahuan sejarah

H_{o3}: Tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara waktu ujian dan kaedah pengajaran terhadap min skor pengetahuan sejarah.

Secara khususnya, subhipotesis nol (H_{o3}) yang diuji adalah seperti berikut:

H_{o3a}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca terhadap min skor pengetahuan sejarah bagi murid yang mengikuti pembelajaran sejarah melalui MDBL berbanding dengan murid yang mengikuti pembelajaran sejarah melalui DBL dan murid yang mengikuti pengajaran sedia ada.

H_{o3b}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pasca dan ujian pasca lanjutan terhadap min skor pengetahuan sejarah bagi murid yang mengikuti pembelajaran sejarah melalui MDBL berbanding dengan murid yang mengikuti pembelajaran sejarah melalui DBL dan murid yang mengikuti pengajaran sedia ada.

Berdasarkan nilai ujian *Box's M* yang tidak signifikan [F(12, 47243.87)=0.46, p=0.94] yang menunjukkan bahawa kovarians antara kumpulan-kumpulan adalah sama (Green & Salkind, 2017; Hair et al., 2014; Pallant, 2016), maka ujian *Multivariate* dengan menggunakan ujian *Wilks'Lambda* telah menunjukkan bahawa terdapat kesan utama waktu ujian yang signifikan [*Wilks'Lambda*=0.14, F(2, 98)=310.34, p=0.00, η_p^2=0.86] dan terdapat kesan interaksi antara waktu ujian dan kaedah pengajaran yang signifikan [*Wilks'Lambda*=0.29, F(2, 196)=41.31, p=0.00, η_p^2=0.46] terhadap min skor pengetahuan sejarah.

Kesan utama kaedah pengajaran

Berdasarkan nilai ujian *Levene's* yang tidak signifikan bagi min skor ujian pra [F(2, 99)=0.01, p=0.99], min skor ujian pasca [F (2, 99)=0.90, p=0.41] dan min skor ujian pasca lanjutan [F(2,

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 501 - 520), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2064

99)=2.75, p=0.07] terhadap pengetahuan sejarah dalam kajian ini yang menunjukkan bahawa varians antara ketiga-tiga kaedah pengajaran tersebut adalah setara (Green & Salkind, 2017; Hair et al., 2014; Pallant, 2016), maka dapatan ujian *Univariate* bagi kesan variabel antara subjek pada Jadual 1 telah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min skor pengetahuan sejarah yang signifikan antara kumpulan MDBL, kumpulan DBL dan kumpulan pengajaran sedia ada [F(2, 99)=209.31, p=0.00, η_p^2=0.81]. Tambahan pula, perbezaan antara pasangan kaedah pengajaran terhadap min skor pengetahuan sejarah dalam kajian ini dilakukan melalui ujian perbandingan pelbagai *Post Hoc Sidak* dan telah disokong dengan ujian *Estimates Marginal Means* yang menunjukkan bahawa min skor pengetahuan sejarah dalam kumpulan MDBL adalah lebih tinggi (18.78) berbanding dengan kumpulan DBL (16.26) dan kumpulan pengajaran sedia ada *(*9.99). Justeru, H_{o1} telah berjaya ditolak iaitu terdapat kesan utama kaedah pengajaran yang signifikan terhadap min skor pengetahuan sejarah. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kumpulan MDBL telah menunjukkan min skor pengetahuan sejarah yang lebih tinggi berbanding dengan kumpulan DBL dan kumpulan pengajaran sedia ada dalam kajian ini.

Jadual 1: Keputusan Ujian Univariate bagi Kesan Variabel Antara Subjek bagi Min Skor Pengetahuan Sejarah

Kesan	**Jumlah kuasa Dua**	***df***	**Min Kuasa Dua**	***F***	***p***	η_p^2
Pintasan	22964.92	1	22964.92	6793.57	0.00	0.99
Kaedah pengajaran	1415.06	2	707.53	209.31	0.00	0.81
Ralat	334.66	99	3.38			

Kesan utama waktu ujian

Nilai ujian Kesferaan *Mauchly's W* bagi min skor pengetahuan sejarah yang tidak signifikan [x^2(2)=1.99, p=0.37] dalam kajian ini telah membolehkan ujian *Univariate* bagi kesan variabel dalam subjek berdasarkan andaian kesferaan dipatuhi (*Sphericity Assumed*) dapat dijalankan dan dapatan ujian tersebut pada Jadual 2 telah menunjukkan bahawa **t**erdapat kesan utama waktu ujian yang signifikan [F(2, 198)=278.02, p=0.00, η_p^2=0.74] terhadap min skor pengetahuan sejarah dengan kesan saiz adalah besar (Gray & Kinnear, 2012; Field, 2013). Selain itu, perbezaan antara pasangan waktu ujian terhadap min skor pengetahuan sejarah juga telah dilakukan dalam kajian ini melalui ujian perbandingan pelbagai *Post Hoc Sidak* dan disokong dengan dapatan ujian *Estimates Marginal Means* yang menunjukkan bahawa min skor pengetahuan sejarah dalam ujian pasca (18.29) adalah lebih tinggi berbanding dengan ujian pasca lanjutan (17.88) dan ujian pra (8.86). Justeru, H_{o2} telah berjaya ditolak iaitu terdapat kesan utama waktu ujian yang signifikan terhadap min skor pengetahuan sejarah. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa terdapat peningkatan min skor pengetahuan sejarah antara ujian pra dan ujian pasca serta kekekalan min skor pengetahuan sejarah antara ujian pasca dan ujian pasca lanjutan.

Jadual 2: Keputusan Ujian Univariate bagi Kesan Variabel Dalam Subjek bagi Min Skor Pengetahuan Sejarah

Kesan		**Jumlah kuasa Dua Jenis III**	***df***	**Kuasa dua min**	***F***	***p***	η_p^2
Waktu	*Sphericity Assumed*	5783.49	2	2891.74	278.02	0.00	0.74
	Greenhouse-Geisser	5783.49	1.96	2949.72	278.02	0.00	0.74
	Huynh-Feldt	5783.49	2.00	2891.74	278.02	0.00	0.74
	Lower-bound	5783.49	1.00	5783.49	278.02	0.00	0.74
Waktu* Kaedah	*Sphericity Assumed*	2131.94	4	532.99	52.24	0.00	0.51
	Greenhouse-Geisser	2131.94	3.92	543.67	52.24	0.00	0.51
	Huynh-Feldt	2131.94	4.00	532.99	52.24	0.00	0.51
	Lower-bound	2131.94	2.00	1065.97	52.24	0.00	0.51

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 501 - 520), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2064

Ralat	*Sphericity Assumed*	2059.47	198	10.40
	Greenhouse-Geisser	2059.47	194.11	10.61
	Huynh-Feldt	2059.47	198.00	10.40
	Lower-bound	2059.47	99.00	20.80

Kesan interaksi antara waktu ujian dan kaedah pengajaran

Berdasarkan keputusan ujian *Univariate* bagi kesan variabel dalam subjek pada Jadual 2 yang menunjukan terdapat kesan interaksi antara waktu ujian dan kaedah pengajaran yang signifikan [$F(4, 198)=52.24$, $p=0.00$, $\eta_p^2=0.51$] terhadap min skor pengetahuan sejarah dengan kesan saiz adalah besar (Gray & Kinnear, 2012; Field, 2013), maka H_{o3} telah berjaya ditolak iaitu terdapat kesan interaksi antara waktu ujian dan kaedah pengajaran yang signifikan terhadap min skor pengetahuan sejarah. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa waktu ujian bukan sahaja mempengaruhi min skor pengetahuan sejarah secara berasingan, malah interaksinya dengan kaedah pengajaran didapati turut memberi kesan kepada min skor pengetahuan sejarah dalam kajian ini.

Oleh sebab waktu ujian dan kaedah pengajaran adalah saling mempengaruhi terhadap min skor pengetahuan sejarah dalam kajian ini, maka terdapat pasangan waktu ujian dan kaedah pengajaran yang menyumbang kepada keputusan perbezaan yang signifikan. Justeru, ujian *Within-Subjects Contrasts* telah dijalankan dalam kajian ini dan disokong melalui penelitian graf plot profil pada Rajah 1 yang menunjukkan bahawa terdapat perhubungan linear yang signifikan antara pasangan ujian pra dan ujian pasca serta perhubungan linear yang tidak signifikan antara pasangan ujian pasca dan ujian pasca lanjutan terhadap min skor pengetahuan sejarah.

Rajah 1: Graf Plot Profil Min Skor Pengetahuan Sejarah



Berdasarkan keputusan skor pengetahuan sejarah berdasarkan waktu ujian dan kaedah pengajaran (Waktu ujian*Kaedah Pengajaran) pada Jadual 3, min skor ujian pasca pengetahuan sejarah bagi kumpulan MDBL (23.47) adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan DBL (19.88) dan kumpulan pengajaran sedia ada (11.51) dalam kajian ini. Justeru, subhipotesis nol H_{o3a} telah berjaya ditolak iaitu terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca terhadap min skor pengetahuan sejarah bagi murid yang mengikuti pembelajaran sejarah melalui MDBL berbanding dengan murid yang mengikuti pembelajaran sejarah melalui DBL dan murid yang mengikuti pengajaran sedia ada. Maka, terdapat kesan peningkatan yang lebih tinggi pada min skor pengetahuan sejarah dalam pembelajaran sejarah melalui MDBL selepas rawatan yang dijalankan dalam kajian ini. Oleh itu, pembelajaran sejarah melalui MDBL adalah lebih berkesan terhadap pengetahuan sejarah berbanding dengan pembelajaran sejarah melalui DBL dan pengajaran sedia ada dalam kalangan murid.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 501 - 520), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2064

Jadual 3: Keputusan Min Skor Pengetahuan Sejarah Berdasarkan Waktu Ujian dan Kaedah Pengajaran (Waktu Ujian*Kaedah Pengajaran)

Kumpulan	**Waktu ujian**	**Min**	**Ralat Piawai**	**95% selang keyakinan bagi perbezaan**	
				Bawah	**Atas**
Eksperimen pertama (MDBL)	Ujian pra	8.88	0.45	7.99	9.77
	Ujian pasca	23.47	0.60	22.29	24.65
	Ujian pasca lanjutan	23.97	0.60	22.79	25.15
Eksperimen kedua (DBL)	Ujian pra	8.91	0.46	8.01	9.81
	Ujian pasca	19.88	0.61	18.68	21.08
	Ujian pasca lanjutan	20.00	0.60	18.80	21.20
Kawalan (Pengajaran sedia ada)	Ujian pra	8.80	0.44	7.92	9.68
	Ujian pasca	11.51	0.59	10.25	12.68
	Ujian pasca lanjutan	9.66	0.59	8.49	10.82

Selain itu, min skor ujian pasca lanjutan pengetahuan sejarah bagi kumpulan MDBL (23.97) adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan DBL (20.00) dan kumpulan pengajaran sedia ada (9.66) dalam kajian ini. Justeru, subhipotesis nol H_{o3b} telah berjaya diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pasca dan ujian pasca lanjutan terhadap min skor pengetahuan sejarah bagi murid yang mengikuti pembelajaran sejarah melalui MDBL berbanding dengan murid yang mengikuti pembelajaran sejarah melalui DBL dan murid yang mengikuti pengajaran sedia ada. Maka, terdapat kesan kekekalan jangka panjang yang lebih baik pada min skor pengetahuan sejarah dalam pembelajaran sejarah melalui MDBL walaupun selepas tempoh masa sebulan tamatnya rawatan yang dijalankan dalam kajian ini. Oleh itu, pembelajaran sejarah melalui MDBL adalah lebih berkesan terhadap kekekalan pengetahuan sejarah berbanding dengan pembelajaran sejarah melalui DBL dan pengajaran sedia ada dalam kalangan murid.

Perbincangan Kajian

Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa murid yang menjalani pembelajaran sejarah melalui MDBL menunjukkan kekekalan pengetahuan sejarah yang lebih baik berbanding dengan murid yang menjalani pembelajaran sejarah melalui DBL dan murid yang menjalani pengajaran sedia ada. Justeru, dapat dirumuskan bahawa pembelajaran sejarah melalui MDBL adalah berkesan secara signifikan terhadap kekekalan pengetahuan sejarah dalam kalangan murid. Pembelajaran sejarah melalui DBL yang diperkenalkan dalam kajian ini didapati berpotensi untuk mengukuhkan pemahaman dan penguasaan terhadap pengetahuan sejarah yang diperolehi daripada analisis sumber sejarah. Hal ini adalah bertepatan dengan hasil dapatan kajian ini yang melaporkan bahawa murid yang menjalani pembelajaran sejarah melalui MDBL dan murid yang menjalani pembelajaran sejarah melalui DBL dapat memproses maklumat daripada sumber sejarah yang diberikan bagi membina dan mengukuhkan pemahaman yang lebih baik berbanding dengan murid yang menjalani pengajaran sedia ada. Oleh sebab berdasarkan Teori Pemprosesan Maklumat (Atkinson & Shiffrin, 1968, 1971) telah menjelaskan bahawa murid–murid dapat mengembangkan struktur kognitif dengan memilih dan menapis maklumat yang diterima bagi aktiviti mental seperti memerhati, menerima, memanipulasi, menyimpan, mencantum, atau mencungkil semula maklumat, maka pelaksanaan *Document based Lessons* dalam kajian ini telah membolehkan murid-murid dapat mengembangkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang bersifat kompleks melalui pemprosesan informasi atau maklumat sejarah dengan lebih baik. Hasil dapatan kajian ini juga adalah disokong dengan pendapat Brooks (2013), Doussot (2019), Newton (2001), Rosenlund (2018) dan Smith (2016) yang mendapati bahawa pemahaman sejarah yang baik dapat dikenal pasti dengan penguasaan pengetahuan sejarah yang berterusan daripada pentafsiran konsep teras sejarah berasaskan analisis sumber teks sejarah.

Sehubungan dengan itu, kesemua pendapat pengkaji (Brooks 2013; Doussot 2019; Newton, 2001; Rosenlund, 2018; Smith, 2016) tersebut adalah konsisten dengan dapatan kajian Tyman et al. (2006) dan Nersater (2018) yang telah melaporkan bahawa murid-murid berjaya mempamerkan peningkatan

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 11, (page 501 - 520), 2021
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.2064

pencapaian pengetahuan sejarah yang baik dengan menggunakan konsep teras sejarah semasa menganalisis sumber-sumber sejarah. Pendek kata, penggunaan bahan pembelajaran sejarah secara intensif dan berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah dapat meningkatkan pencapaian mata pelajaran Sejarah dalam peperiksaan awam seperti yang dilaporkan dalam kajian Mwathwana, Mungai, Gathumbi dan George (2014) secara deskriptif yang telah mendapati penggunaan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Sejarah secara berterusan di daerah Tigania dan Igembe, Kenya telah berjaya mengekalkan keputusan mata pelajaran Sejarah yang cemerlang antara tahun 2005 hingga 2009 walaupun kedua-dua buah daerah tersebut tidak mempunyai kemudahan perpustakaan yang baik yang telah menyokong hasil dapatan kajian ini. Walau bagaimanapun, murid yang menjalani pembelajaran sejarah melalui MDBL didapati dapat mengekalkan pengetahuan sejarah yang lebih baik berbanding dengan murid yang menjalani pembelajaran sejarah melalui DBL dan murid yang menjalani pengajaran sedia adal dalam kajian ini, selaras dengan kajian Cavoura, Tsaganou, Grigoriadou, Koutra dan Samarakou (2005), Donnelly (2018) dan Puurtinen, Nivala dan Virta (2015) yang menggunakan sumber sejarah berbentuk visual seperti filem sejarah dan *hypermedia* sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran sejarah dalam meningkatkan dan memantapkan pemahaman mereka terhadap pengetahuan sejarah yang merupakan salah satu elemen dalam struktur disiplin sejarah yang perlu dikuasai oleh murid-murid di dalam kelas.

